

Anak Syarikat Daya Materials Raih Kontrak Tiga Tahun Di Arab Saudi

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Anak syarikat Daya Materials Bhd (DMB), Daya Maxflo Sdn Bhd, meraih kontrak untuk tiga tahun daripada Schlumberger bagi perkhidmatan telaga khusus di Arab Saudi.

Projek tersebut akan bermula pada suku ketiga 2016, menurut syarikat dalam kenyataan.

Schlumberger, mempunyai operasi di lebih 85 negara dan menggaji kira-kira 100,000 orang, adalah penyedia teknologi global bagi takungan, penggerudian, pengeluaran dan pemrosesan untuk industri minyak dan gas.

DMB ditubuhkan pada 1994 dengan matlamat untuk mewujudkan syarikat minyak dan gas bersepadu di Malaysia dengan capaian global.

Kumpulan itu kini merupakan peserta utama dalam industri minyak dan gas serantau dengan operasi di seluruh Asia Pasifik, Eropah dan Timur Tengah.

-- BERNAMA

